UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI

17 Januari 2024
5 Rejab 1445H

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | • Kedai akuarium diberi amaran tidak jual ikan dilarang import |
| **Berita Harian** | • |
| **Harian Metro** | • |
| **Kosmo !** | • |
| **Sinar Harian** | • |
| **The Star (metro)** | • |
| **New Straits Time** | • |
| **Nanyang Siang Pau** | • |
| **Malaysia Gazette** | • |
| **Harakah** | • |
| **Malaysiakini** | • |
| **Bernama** | • |
| **Borneo Post (KK)** | • |
| **Guan Ming Daily** | • |
| **Sabah Media** | • |

[redacted]

| | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | / | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN | POSITIF | / | NEGATIF | | NEUTRAL | | | 32 | 17/1/2024 |

# Kedai akuarium diberi amaran tidak jual ikan dilarang import

**SEREMBAN:** Pengusaha kedai akuarium di negeri ini dinasihat untuk tidak memiliki dan menjual spesies ikan-ikan dilarang import yang memberi risiko mengganggu ekosistem sungai.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, pihaknya akan sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap kedai-kedai akuarium yang menjual ikan hiasan bagi memastikan larangan tersebut dipatuhi.

"Pemeriksaan tersebut merupakan rutin dan kami akan memberikan taklimat kepada mereka. Jika semasa pemeriksaan berkenaan kami dapati mereka menjual ikan-ikan larangan import kepada orang awam, amaran terlebih dahulu diberikan.

"Seterusnya kami akan memberikan tempoh masa dan selepas itu apabila pemeriksaan seterusnya dan kami dapati pengusaha masih memiliki ikan-ikan tersebut, kami akan menyitanya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Antara spesies ikan larangan import yang disenaraikan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import Ikan) 1990 Pindaan 2011, Akta Perikanan 1985 termasuk Flower Horn, Aligator Gar, Pacu dan Arapaima.

"Ikan-ikan yang tersenarai ini dikhuatiri boleh mengganggu ekosistem sungai ekoran ikan ini bersifat agresif, cepat membiak dan membawa penyakit malah memakan ikan-ikan asli tempatan sekiranya terlepas ke perairan sungai sekali gus mengakibatkan ikan tempatan berkurangan," katanya lagi.




**KAKITANGAN Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri Sembilan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap premis kedai akuarium di sekitar Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.**